



**BAHAGIAN KESELAMATAN INDUSTRI  
JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN MALAYSIA**

**PANDUAN PERMOHONAN ORANG KOMPETEN (SYARIKAT) PEMASANG &  
PEMBUKA JENTERA MENGANGKAT**

**2024**

## **KANDUNGAN**

1.0 PENDAHULUAN .....	3
2.0 PUNCA KUASA .....	3
3.0 TAFSIRAN.....	3
4.0 SKOP .....	4
5.0 SYARAT PERMOHONAN .....	5
6.0 PANDUAN MENGISI BUTIRAN PERMOHONAN.....	5
6.1 Kategori Permohonan .....	5
6.2 Butiran Permohonan .....	7
7.0 DOKUMEN.....	11
7.1 Dokumen Permohonan .....	11
8.0 PEMAKLUMAN.....	15
9.0 FI.....	16
10.0 PIAGAM PELANGGAN.....	16

## **1.0 PENDAHULUAN**

- 1.1. Panduan permohonan ini disediakan oleh Unit Pengiktirafan, Bahagian Keselamatan Industri untuk rujukan kepada pemohon dan syarikat semasa membuat permohonan pendaftaran, pembaharuan dan kemaskini maklumat Orang Kompeten (Syarikat) Pembuka dan Pemasang Jentera Mengangkat melalui sistem MySKUD. Sistem MySKUD boleh dicapai melalui Sistem Single Sign On (SSO) di MyKKP (<http://mykkp.dosh.gov.my/>).
- 1.2. Panduan permohonan ini telah dikemaskini mengikut Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 dan Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Loji Yang Menghendaki Perakuan Kelayakan) 2024 (LYMPK 2024).

## **2.0 PUNCA KUASA**

- 2.1. Seksyen 31B Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (AKKP 1994) telah menyatakan bahawa tiada seorang pun boleh memasang siap, memasang, mendirikan, membuka, menguji, memeriksa, menyenggara, membaiki atau menservis apa-apa loji atau kelengkapan kawalan kejuruteraan yang dinyatakan dalam Akta dan Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Loji Yang Menghendaki Perakuan Kelayakan) 2024 kecuali telah berdaftar sebagai Orang Kompeten (Syarikat) sepertimana ditetapkan oleh Ketua Pengarah.
- 2.2. Peraturan 4(1)(g), Peraturan-Peraturan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (Loji Yang Menghendaki Perakuan Kelayakan) 2024 telah menyatakan bahawa jika loji yang menghendaki perakuan kelayakan itu merupakan dandang stim atau jentera mengangkat sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Ketujuh, memastikan bahawa dandang stim atau jentera mengangkat itu dipasang oleh orang kompeten atau Pembuka dan Pemasang asalan.

## **3.0 TAFSIRAN**

- 3.1. Orang Kompeten ertinya orang kompeten yang berdaftar di bawah Seksyen 31C AKKP 1994.
- 3.2. Orang Yang Berkelayakan ertinya Orang Kompeten seperti yang diterangkan dalam 3.1.
- 3.3. Jentera mengangkat ertinya apa-apa kelengkapan untuk mengangkat, menaikkan, mengangkut atau menurunkan beban.

3.4. Standard yang diiktiraf ertinya standard yang diiktiraf seperti di dalam Jadual Keempat, Peraturan-Peraturan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (Loji Yang Menghendaki Perakuan Kelayakan) 2024.

#### 4.0 SKOP

Skop Panduan permohonan adalah berdasarkan Jadual di bawah:

<b>SKOP PENDAFTARAN ORANG KOMPETEN (SYARIKAT) PEMBUKA DAN PEMASANG JENTERA MENGANGKAT</b>	
<b>KATEGORI</b>	<b>SKOP PEMBUKA DAN PEMASANG JENTERA MENGANGKAT</b>
PELANTAR KERJAAERIAL	Mobile Elevating Work Platform (MEWP) (telescopic boom lift, mobile aerial platform), Elevating Work Platform
KREN BERGERAK	Crawler Crane, Mobile Crane
PENGANGKAT BENDA	Goods Hoist, Mechanical Car Park System (ada lift car & guide rail), Material Hoist, Dumbwaiter, Lif barang (EN81-31)
KREN KEMBARA ATAS	Kren kembara atas (Overhead Travelling Crane - OTC)
KERETAPI FUNIKULAR	Keretapi Funikular
LAIN-LAIN KREN	Rubber Tired Gantry (RTG) Crane (di dermaga, tiada landasan kekal ), Portal Crane (di dermaga, tiada landasan kekal ), Straddle Carrier Crane, Grab Ship Unloader/Side Loader, Auger Crane (dengan telescopic boom), Truck Mounted Crane (tidak perlu pengendali kren), Injection Type Piling Machine (dengan telescopic boom), Pipe layer, Strand Jack with gantry system, Spider crane (with telescopic boom), 'Mini/ Baby crane (for dismantle derrick crane), Rail mounted crane

**Jadual 1**

## 5.0 SYARAT PERMOHONAN

- 5.1. Pemohon perlu mempunyai tempat kerja berdaftar dengan JKPP Negeri melalui system myKKP di bawah sektor kilang. Tempat kerja tersebut hendaklah dipastikan lengkap dengan jentera dan peralatan kawalan kualiti mengikut skop yang dipohon.
- 5.2. Pemohon perlu mempunyai sekurang-kurangnya seorang kakitangan teknikal yang bertanggungjawab setiap bahagian bagi skop Pembuka dan Pemasang jentera mengangkat syarikat utama. Empat (4) bahagian wajib yang terlibat adalah seperti berikut:
- i. Bahagian Rekabentuk / Bahagian Projek Kejuruteraan
  - ii. Bahagian Kawalan Kualiti (QA/QC)
  - iii. Bahagian Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP)
  - iv. Orang Yang Berkelayakan (OYB) Jentera Mengangkat

*\*Setiap kakitangan teknikal bahagian **tidak boleh** memegang tugas untuk bahagian yang lain.*

## 6.0 PANDUAN MENGISI BUTIRAN PERMOHONAN

### 6.1 Kategori Permohonan

<b>PILIHAN KATEGORI PERMOHONAN ORANG KOMPETEN (SYARIKAT) PEMBUKA DAN PEMASANG JENTERA MENGANGKAT</b>	<b>NOTA PENERANGAN</b>
Pendaftaran Orang Kompeten (Syarikat) Pembuka dan Pemasang Jentera Mengangkat	<p>Permohonan pendaftaran merujuk kepada pemohon yang baru pertama kali memohon untuk diiktiraf sebagai pemasang, penyelenggara dan pembuka Jentera Mengangkat. <b>Pemohon perlu merujuk garis panduan ini bagi menyemak dan memilih skop pendaftaran yang berkemampuan untuk dinilai dan diiktiraf oleh Jabatan sebagai Orang Kompeten (Syarikat).</b></p> <p><b>Pemohon juga perlu memastikan telah mendapat kelulusan pendaftaran ORANG YANG BERTANGGUNGJAWAB (OYB) atau kelulusan penukaran syarikat Orang Kompeten (Syarikat) bagi OYB di bawah</b></p>

	<p><b>nama syarikat pemohon melalui sistem mySKUD terlebih dahulu sebelum memohon pendaftaran Orang Kompeten (Syarikat). Sekurang-kurangnya seorang OYB diperlukan bagi permohonan pendaftaran Orang Kompeten (Syarikat).</b> Skop permohonan pendaftaran syarikat hendaklah berdasarkan skop yang dimiliki oleh OYB tersebut sahaja.</p>
<p>Pembaharuan Orang Kompeten (Syarikat) Pembuka dan Pemasang Jentera Mengangkat</p>	<p>Permohonan pembaharuan Orang Kompeten (Syarikat) merujuk kepada Orang Kompeten (Syarikat) Pemasang, Penyelenggara &amp; Perombak Jentera mengangkat yang telah berdaftar dengan Jabatan. Orang Kompeten (Syarikat) hendaklah mematuhi syarat-syarat kelulusan pendaftaran sedia ada dan aktif menjalankan kerja pembuatan sepanjang tempoh kelulusan yang lepas. Orang Kompeten (Syarikat) dinasihatkan supaya <b>memohon pembaharuan Orang Kompeten (Syarikat) lebih awal iaitu bermula tiga (3) bulan sebelum tamat tempoh kelulusan Orang Kompeten (Syarikat).</b></p> <p>Sekiranya tempoh kelulusan Orang Kompeten (Syarikat) yang sebelumnya telah tamat melebihi tempoh 1 tahun tanpa pembaharuan, syarikat dikehendaki memaklumkan kepada Unit Pengiktirafan, Bahagian Keselamatan Industri dan perlu memohon proses PENDAFTARAN semula melalui sistem mySKUD.</p>
<p>Kemaskini Maklumat Orang Kompeten (Syarikat) Pembuka Dan Pemasang Jentera Mengangkat</p>	<p>Pemohon perlu memohon kemaskini maklumat Orang Kompeten (Syarikat) bagi perubahan pada skop pendaftaran (Bahagian A), maklumat syarikat (Bahagian B), maklumat kakitangan teknikal (Bahagian C) maklumat cawangan (Bahagian D), maklumat pembuat/prinsipal (Bahagian E), maklumat pemasangan &amp; penyelenggaraan</p>

	<p>(Bahagian F) atau mana-mana maklumat berkaitan Dokumen Sokongan yang wajib <b>selepas kelulusan pendaftaran atau pembaharuan dan bukan 3 bulan sebelum tamat tempoh kelulusan.</b></p> <p>Proses ini akan melibatkan semakan dokumen, pembentangan teknikal atau audit di tempat kerja berdasarkan perubahan tersebut.</p> <p>Syarikat akan dibenarkan menjalankan kerja pemasangan &amp; pembukaan berdasarkan maklumat yang dikemaskini selepas kelulusan Jabatan.</p>
--	---

## 6.2 Butiran Permohonan

### Bahagian A: Maklumat Sub-Permohonan

Pilih **Skop Pendaftaran** seperti yang terdapat dalam **Jadual 1**.

### Bahagian B: Maklumat Syarikat

Pemohon bagi Pendaftaran dan Pembaharuan Orang Kompeten (Syarikat) Pembuka dan Pemasang , melalui MySKUD hendaklah memastikan syarikat (kilang utama) telah berdaftar dengan JKKP Negeri melalui sistem MyKKP di bawah sektor kilang. Jentera mengangkat

Kilang utama hendaklah telah melalui pemeriksaan oleh JKKP Negeri dan permohonan tersebut boleh dilakukan melalui sistem MyKKP. Laporan pemeriksaan kilang tersebut boleh disemak pada bahagian Papar Docket. Pemohon perlu memohon Pengaktifan Tempat Kerja (PATK) untuk mengaktifkan maklumat syarikat yang dipohon melalui sistem MyKKP. Pastikan nombor pendaftaran tempat kerja yang diaktifkan adalah merujuk kepada syarikat (kilang utama) semasa membuat permohonan melalui sistem MySKUD.

Maklumat syarikat yang memohon tidak akan terpapar pada bahagian ini jika pemohon masih belum melakukan proses seperti perkara di atas.

\*Maklumat kakitangan yang dihubungi seperti nama, alamat email dan no. telefon bimbit hendaklah merujuk kepada kakitangan syarikat yang bertanggungjawab dalam menghantar permohonan syarikat.

### Bahagian C : Maklumat Kakitangan Teknikal

Setiap kakitangan teknikal bahagian masing-masing hendaklah memenuhi semua syarat kelayakan seperti jadual di bawah:

<b>KRITERIA KELAYAKAN KAKITANGAN TEKNIKAL</b>	
<b>Bahagian Rekabentuk (Orang Kompeten Syarikat yang mempunyai skop Pembuka dan Pemasang )</b>	
a)	Warganegara Malaysia atau bagi Bukan Warganegara Malaysia hendaklah mempunyai permit bekerja di Malaysia.
b)	Mempunyai pengetahuan berkaitan perundangan, kod dan standard rekabentuk jentera mengangkat seperti AWS, EN, BS dan sebagainya yang merujuk kepada skop dipohon.
c)	Kelayakan akademik dan pengalaman:  Memiliki ijazah dalam bidang kejuruteraan/setara dan mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya satu (1) tahun dalam kerja Pembuka dan Pemasang an an dan pengubahan Jentera mengangkat;  <b>atau</b>  Memiliki diploma dalam bidang kejuruteraan/setara dan mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya tiga (3) tahun dalam kerja Pembuka dan Pemasang an an dan pengubahan Jentera mengangkat;  <b>atau</b>  Memiliki sijil kemahiran tahap 4 dalam bidang kejuruteraan/setara dan mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya lima (5) tahun dalam kerja Pembuka dan Pemasang an an dan pengubahan Jentera mengangkat.
d)	Menghadiri dan mempunyai sijil latihan berkaitan kod rekabentuk bagi Pembuka dan Pemasang an jentera mengangkat seperti AWS, EN, BS dan sebagainya yang merujuk kepada skop dipohon..
<b>Bahagian Projek Kejuruteraan</b>	
a)	Warganegara Malaysia atau bagi Bukan Warganegara Malaysia hendaklah mempunyai permit bekerja di Malaysia.
b)	Mempunyai pengetahuan berkaitan perundangan, kod dan standard rekabentuk jentera mengangkat seperti AWS, EN, BS dan sebagainya yang merujuk kepada skop dipohon.



c)	<p>Kelayakan akademik dan pengalaman;</p> <p>Memiliki ijazah dalam bidang kejuruteraan/setara dan mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya satu (1) tahun dalam kerja Pembuka dan Pemasangan jentera mengangkat;</p> <p style="text-align: center;"><b>atau</b></p> <p>Memiliki diploma dalam bidang kejuruteraan/setara dan mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya tiga (3) tahun dalam kerja Pembuka dan Pemasangan jentera mengangkat;</p> <p style="text-align: center;"><b>atau</b></p> <p>Memiliki sijil kemahiran tahap 4 dalam bidang kejuruteraan/setara dan mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya lima (5) tahun dalam kerja Pembuka dan Pemasangan jentera mengangkat.</p>
d)	<p>Menghadiri dan mempunyai sijil latihan berkaitan kod rekabentuk bagi Pembuka dan Pemasangan jentera mengangkat seperti AWS, EN, BS dan sebagainya yang merujuk kepada skop dipohon.</p>
<b>Bahagian Kawalan Kualiti (QA/QC)</b>	
a)	<p>Warganegara Malaysia;</p>
b)	<p>Mempunyai pengetahuan berkaitan spesifikasi dalam perundangan rekabentuk dan Pembuka dan Pemasangan jentera mengangkat.</p>
c)	<p>Menghadiri dan mempunyai sijil latihan berkaitan kawalan kualiti kimpalan bagi Pembuka dan Pemasangan atau perubahan Jentera mengangkat seperti CSWIP dan NDT.</p>
d)	<p>Memiliki ijazah dalam bidang kejuruteraan/setara dan mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya satu (1) tahun dalam kerja Pembuka dan Pemasangan jentera mengangkat;</p> <p style="text-align: center;"><b>atau</b></p> <p>Memiliki diploma dalam bidang kejuruteraan/setara dan mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya tiga (3) tahun dalam kerja Pembuka dan Pemasangan jentera mengangkat;</p> <p style="text-align: center;"><b>atau</b></p> <p>Memiliki sijil kemahiran tahap 3 dalam bidang kejuruteraan/setara dan pengalaman sekurang-kurangnya lima (5) tahun dalam kerja Pembuka dan Pemasangan jentera mengangkat;</p> <p style="text-align: center;"><b>atau</b></p> <p>Memiliki SPM/setara dan pengalaman sekurang-kurangnya sepuluh (10) tahun dalam kerja Pembuka dan Pemasangan jentera mengangkat.</p>

<b>Bahagian Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP)</b>	
	<p>Syarikat perlu melantik Pegawai Keselamatan dan Kesihatan (Safety &amp; Officer - SHO) jika tertakluk di bawah Perintah Keselamatan dan Kesihatan (Pegawai Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan),1997;</p> <p style="text-align: center;"><b>atau</b></p> <p>Bagi tempat kerja yang kurang dari 100 orang pekerja, syarikat perlu mempunyai sekurang-kurangnya seorang Penyelia Keselamatan Tapak Bina (SSS) yang berdaftar dengan JKPP;</p> <p style="text-align: center;"><b>atau</b></p> <p>Melantik Penyelia KKP yang telah menghadiri kursus OSH Coordinator (OSH-C) dengan pengajar yang diiktiraf oleh JKPP.</p> <p>Maklumat No. Pendaftaran SHO/SSS/OSH-C yang sah perlu dimasukkan bagi maklumat kakitangan teknikal Bahagian Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.</p> <p>Sila pastikan setiap kakitangan SHO/SSS/OSH-C telah berdaftar dengan majikan terkini semasa membuat permohonan. Semakan profil OYK ini boleh disemak melalui profil OYK pada laman web myKKP.</p>
<b>Kakitangan Pengimpal Tetap</b>	
a)	Menyediakan sekurang-kurangnya seorang kakitangan pengimpal warganegara Malaysia yang bekerja tetap di syarikat.
b)	Telah menjalani Ujian Kelayakan Kimpalan (WQT) sekurang-kurangnya jenis 2G/2F (AWS Code) berdasarkan WPS yang dimiliki oleh syarikat untuk skop permohonan.

*\*Pemohon hendaklah memuatnaik sijil kehadiran kursus berkaitan rekabentuk Jentera mengangkat, kawalan kualiti kimpalan, OSH-C dan sijil WQT pada Bahagian C.*

*Dokumen lain seperti resume, sijil akademik, sijil latihan teknikal dan KKP kakitangan pada Bahagian C hendaklah dimuatnaik pada Dokumen Permohonan No. 3.*

#### **Bahagian D: Maklumat Cawangan**

Sekiranya syarikat mempunyai kilang cawangan yang ingin didaftarkan bagi menjalankan kerja sebagai Pembuka dan Pemasang Jentera mengangkat, cawangan tersebut hendaklah berdaftar dengan JKPP Negeri di bawah sektor kilang melalui sistem MyKKP dan pemeriksaan kilang oleh JKPP Negeri yang terkini telah dijalankan

kerana maklumat kilang cawangan dan pemeriksaan kilang cawangan diambil dari sistem tersebut.

*\*Pemohon perlu melengkapkan maklumat No Telefon, Emel Syarikat dan Bilangan Pekerja pada ruangan yang disediakan.*

BUTIRAN ( <i>Field</i> )	NOTA PENERANGAN
Nama Syarikat	Merujuk nama syarikat (kilang utama) yang didaftarkan seperti di Bahagian B.
No. Pendaftaran Syarikat*	Nombor pendaftaran kilang cawangan yang didaftarkan di dalam MyKKP di bawah sektor kilang.
No. Telefon Syarikat*	Nombor telefon kilang cawangan.
E-mel Syarikat*	E-mel kilang cawangan yang boleh dihubungi oleh Jabatan.
Bilangan Pekerja*	Bilangan pekerja yang berjawatan tetap dan kontrak di kilang cawangan.
Kakitangan Teknikal*	<p>Maklumat kakitangan teknikal yang bertanggungjawab di kilang cawangan.</p> <p><b>Kakitangan teknikal kilang cawangan yang sama dengan syarikat (kilang utama) dibenarkan hanya jika lokasi syarikat (kilang utama) dan cawangan berada dalam satu daerah sahaja.</b></p> <p>Syarikat perlu menyediakan sekurang-kurangnya seorang kakitangan teknikal rekabentuk, projek kejuruteraan, kawalan kualiti, KKP dan pengimpal cawangan <b>yang berlainan</b> jika lokasi kilang cawangan berlainan daerah dengan syarikat (kilang utama).</p>

## 7.0 DOKUMEN

### 7.1 Dokumen Permohonan

Dokumen permohonan wajib yang bertanda (\*) hendaklah dimuat naik dalam format PDF. Sila buat pecahan fail jika melebihi kuota yang dibenarkan. Sertakan fail PDF bertajuk “Tidak Berkaitan Skop Permohonan” jika dokumen permohonan tidak melibatkan skop permohonan

BUTIRAN ( <i>Field</i> )	NOTA PENERANGAN
1) Ringkasan latar belakang syarikat (Company Profile)*	Mengandungi katalog, maklumat latar belakang atau profil syarikat (kilang utama) dan kilang cawangan.
2) Carta organisasi utama syarikat (kilang utama) dan kilang cawangan*	Carta organisasi syarikat (kilang utama) dan kilang cawangan yang terkini yang mengandungi semua kakitangan syarikat. Sila tandakan nama penuh, bahagian dan jawatan kakitangan teknikal, kakitangan KKP serta pengimpal tetap yang terlibat pada Bahagian C pada carta organisasi tersebut.
3) Senarai nama kakitangan teknikal & KKP bagi syarikat (kilang utama) dan kilang cawangan*	<p>Menyediakan senarai maklumat dalam bentuk jadual atau resume bagi setiap kakitangan teknikal, pengimpal tetap dan kakitangan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) pada Bahagian C yang mengandungi:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>● Nama</li> <li>● Jawatan</li> <li>● Pengalaman kerja berkaitan Pembukaan dan Pemasangan jentera mengangkat</li> <li>● Kelayakan akademik berkaitan yang tertinggi</li> <li>● Jenis latihan/kursus teknikal dan KKP berkaitan yang telah dihadiri.</li> </ul> <p>Sertakan resume, sijil akademik dan sijil kursus bagi setiap kakitangan tersebut.</p> <p>Bagi syarikat (kilang utama) yang mempunyai kilang cawangan yang lain untuk didaftarkan, syarikat perlu menyediakan maklumat kakitangan teknikal yang lain bagi setiap cawangan tersebut jika berlainan daerah dengan syarikat (kilang utama).</p>
4) Senarai aktiviti dan pengalaman kerja*	<p>Maklumat perlu mengandungi:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>● Senarai pengalaman kerja berkaitan skop pendaftaran (pendaftaran baru).</li> <li>● Senarai rekod kerja berkaitan skop pendaftaran sepanjang tempoh kelulusan (pembaharuan).</li> <li>● Senarai aktiviti kerja selain berkaitan skop permohonan (jika ada).</li> </ul>
5) Senarai jentera dan peralatan dimiliki beserta spesifikasi bagi syarikat (kilang utama) dan kilang cawangan*	<p>Senarai dan spesifikasi <b>peralatan kerja</b> Pembukaan dan Pemasangan jentera mengangkat terkini tidak terhad kepada berikut :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>● Welding Machine</li> <li>● Cutting Machine</li> <li>● Bending Machine</li> <li>● Drilling Machine</li> <li>● Grinding Machine</li> </ul>

	<ul style="list-style-type: none"> <li>● Forklift atau Overhead Travelling Crane (OTC)</li> </ul> <p>Senarai dan spesifikasi <b>peralatan pemeriksaan kualiti</b> jentera mengangkat terkini tidak terhad kepada berikut :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>● Welding Gauge</li> <li>● Torque Wrench</li> <li>● Non-Destructive Testing (NDT) Equipment</li> <li>● Load Tester</li> </ul> <p>Senarai peralatan di atas juga diperlukan untuk permohonan kemaskini cawangan kilang yang baru.</p>
6) Pelan kedudukan jentera di syarikat dan kilang cawangan*	Menyediakan layout kedudukan proses dan jentera di dalam syarikat (kilang utama) dan cawangan yang terkini bagi permohonan pendaftaran, pembaharuan dan kemaskini premis baru.
7) Manual Kawalan Kualiti yang mengandungi maklumat berkaitan dengan kerja-kerja dalam skop permohonan*	Menyediakan Manual Kawalan Kualiti yang mengandungi tidak terhad kepada perkara berikut: <ul style="list-style-type: none"> <li>● Polisi Kualiti yang ditandatangani oleh pihak pengurusan tertinggi</li> <li>● Prosidur Kerja Pembuka dan Pemasangan</li> <li>● Carta Alir Proses Pembuka dan Pemasangan Jentera Mengangkat</li> <li>● Design Control</li> <li>● Material Control</li> <li>● Welding Control</li> <li>● Inspection Test Plan (ITP) Pembuka dan Pemasangan</li> <li>● Senarai Semak Pemeriksaan Kualiti</li> </ul>
8) Manual Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) yang mengandungi maklumat berkaitan dengan kerja-kerja dalam skop permohonan*	Menyediakan Manual Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) yang mengandungi tidak terhad kepada perkara berikut: <ul style="list-style-type: none"> <li>● Polisi Keselamatan dan Kesihatan yang ditandatangani oleh pihak pengurusan tertinggi.</li> <li>● Carta Organisasi Jawatankuasa Keselamatan &amp; Kesihatan (JKK).</li> <li>● Prosedur Kerja Selamat (SOP) bagi kerja Pembuka dan Pemasangan jentera mengangkat.</li> <li>● Penaksiran risiko yang disediakan dalam bentuk HIRARC, JHA atau JSA bagi kerja Pembuka dan Pemasangan jentera mengangkat.</li> </ul>

<p>9) Laporan penambahbaikan berdasarkan pemeriksaan syarikat (kilang utama) dan kilang cawangan oleh JKPP Negeri yang terkini (OSHWA)*</p>	<p>Setiap syarikat (kilang utama) dan kilang cawangan hendaklah berdaftar dengan JKPP Negeri di bawah sektor kilang melalui sistem MyKKP.</p> <p>Syarikat dan kilang cawangan perlu memastikan tempat kerja diperiksa oleh JKPP Negeri terlebih dahulu sebelum permohonan pendaftaran atau kemaskini alamat premis syarikat dan cawangan baru. Bagi permohonan pembaharuan, syarikat dan cawangan perlu memastikan kilang diperiksa oleh JKPP Negeri terlebih dahulu setiap 15 bulan sekali.</p> <p>Syarikat perlu menyemak Laporan Pemeriksaan Kilang (OSHWA) yang dikeluarkan dan menjalankan penambahbaikan elemen yang TIDAK PATUH sahaja sebelum permohonan pendaftaran, pembaharuan dan kemaskini premis baru. Laporan status penambahbaikan tersebut hendaklah dimuatnaik pada bahagian ini.</p>
<p>10) Senarai kod rekabentuk berkaitan yang dimiliki*</p>	<p>Pemohon hendaklah mengemukakan senarai dan nama kod rekabentuk yang digunakan untuk Pembukaan dan Pemasangan jentera mengangkat dalam bentuk jadual tidak terhad kepada AWS / BS466 / FEM1.001 / MS1803 / BS EN 12159 / ANSI MH29.1/ CEN / TC 152 G / AS3533.1 dan lain-lain.</p> <p>Setiap kod rekabentuk yang digunakan hendaklah disediakan apabila diminta oleh Jabatan ini semasa proses semakan dokumen, pembentangan, audit dan permohonan kemaskini skop.</p>
<p>11) Surat Kebenaran/Lesen Perniagaan (PBT, SSM, PERKESO dan lain-lain)*</p>	<p>Pemohon hendaklah mengemukakan salinan surat kebenaran atau lesen perniagaan yang sah seperti pendaftaran dengan pihak berkuasa tempatan, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (Borang 9 dan 49) dan pendaftaran dengan PERKESO yang terkini bagi permohonan pendaftaran, pembaharuan dan kemaskini premis baru.</p>

<p>12) Senarai sijil pengiktirafan yang telah diterima (ISO 9001/ISO 45001/OHSAS 18001/ISO 14001/ISO 14001/ MS 1722/ASME dan lain-lain) jika ada</p>	<p>Pemohon hendaklah memuatnaik sijil pengiktirafan berkaitan pencapaian kualiti pengurusan, teknikal dan KKP yang telah diterima syarikat dan masih dalam tempoh sah.</p> <p>Setiap sijil pengiktirafan asal yang dinyatakan hendaklah disediakan apabila diminta oleh Jabatan ini semasa proses semakan dokumen, pembentangan, audit dan permohonan kemaskini skop.</p>
<p>13) Senarai pencarum KWSP kakitangan syarikat bagi 3 bulan berturut yang terkini*</p>	<p>Pemohon hendaklah mengemukakan rekod salinan penyata bayaran caruman KWSP yang mengandungi kakitangan teknikal, kakitangan KKP dan pengimpal tetap yang dinyatakan pada Bahagian C untuk tiga (3) bulan berturut yang terkini untuk permohonan pendaftaran, pembaharuan dan kemaskini maklumat kakitangan.</p>
<p>14) Program latihan teknikal dan Keselamatan &amp; Kesihatan Pekerjaan (KKP) kakitangan syarikat dan kilang cawangan*</p>	<p>Pemohon hendaklah menyediakan senarai rekod program latihan/kursus teknikal dan KKP dalaman dan luaran bagi syarikat dan kilang cawangan dalam bentuk jadual seperti berikut:</p> <p>Senarai latihan tahunan yang telah dijalankan sebelum permohonan (pendaftaran baru dan kemaskini skop) atau sepanjang kelulusan yang lepas (pembaharuan).</p> <p>Pelan perancangan latihan bagi tahun semasa (pendaftaran baru, pembaharuan dan kemaskini skop).</p>

## 8.0 PEMAKLUMAN

Pihak Jabatan boleh menolak permohonan, menggantung dan membatalkan pengiktirafan ke atas syarikat jika didapati:

- a) Tidak memenuhi mana-mana kriteria permohonan pendaftaran Orang Kompeten (Syarikat); atau
- b) Memalsukan dokumen dan maklumat permohonan; atau
- c) Telah melanggar mana-mana syarat yang telah ditetapkan oleh JKPP seperti yang dinyatakan di dalam surat kelulusan pendaftaran atau syarat-syarat lain yang dikeluarkan oleh JKPP dari semasa ke semasa; atau
- d) Telah memperoleh pendaftaran melalui salah nyataan atau fraud.

## 9.0 FI

Pembayaran fi pemprosesan dan pendaftaran bagi permohonan pendaftaran, pembaharuan dan kemaskini maklumat Orang Kompeten (Syarikat) Pemasang dan Pembuka Jentera Mengangkat adalah mengikut Peraturan-Peraturan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (Fi Bagi Pendaftaran Dan Pembaharuan Orang Kompeten Dan Penyedia Latihan Berdaftar) 2024.

## 10.0 PIAGAM PELANGGAN

- 10.1. Permohonan yang LENGKAP akan diproses (melibatkan semakan dokumen, sesi pembentangan teknikal dan audit) dalam TEMPOH ENAM PULUH (60) HARI BEKERJA. Pihak syarikat dikehendaki untuk mengemukakan maklumat tambahan sekiranya diperlukan oleh pegawai proses. Keputusan kelulusan sebagai Orang Kompeten (Syarikat) Pembuka dan Pemasang Jentera mengangkat akan dimaklumkan kepada pemohon melalui sistem MySKUD.
- 10.2. Pemohonan yang tidak lengkap akan DIBATALKAN/TIDAK DILULUSKAN dan pemohon perlu mengemukakan permohonan semula selepas menjalankan penambahbaikan dan mematuhi panduan permohonan yang ditetapkan.
- 10.3. Bagi pemohon yang telah memenuhi syarat dan kriteria yang telah ditetapkan, kelulusan pendaftaran baru firma yang kompeten akan diberikan untuk tempoh maksimum tiga (3) tahun. Manakala bagi permohonan pembaharuan Orang Kompeten (Syarikat) yang lengkap dan masih aktif dalam skop permohonan, tempoh kelulusan diberikan adalah maksimum tiga (3) tahun.

**Disediakan oleh:**

**UNIT PENGIKTIRAFAN**

**SEKSYEN PENGIKTIRAFAN, PEPERIKSAAN & PERSIJILAN**

**BAHAGIAN KESELAMATAN INDUSTRI**

**JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN MALAYSIA**